

TEKS MENDENGAR

Tema 1 Anda Bersih, Anda Sihat

Track 1

Dengar petikan dengan telitinya. Kemudian, lengkapkan bahan grafik dengan perkataan yang sesuai. Seterusnya, kenal pasti dan padankan perkataan dengan maknanya yang betul.

Pada 16 September 2024, Kementerian Kesihatan Malaysia mengesan satu kes yang disahkan positif cacar monyet di negara ini. Cacar monyet bukanlah virus baharu, namun cacar monyet ialah penyakit yang jarang berlaku.

Penularan penyakit tersebut disebarkan melalui sentuhan kulit ke kulit antara individu yang bergejala dengan kontak rapat. Selain itu, virus cacar monyet menular kepada individu yang secara langsung menyentuh objek seperti tuala dan pakaian yang tercemar dengan virus penyakit tersebut.

Terdapat beberapa gejala jangkitan cacar monyet. Antara gejala tersebut ialah ruam dengan lepuh pada muka, tangan, kaki, badan, mata, mulut, atau alat kelamin. Selain itu, pesakit mengalami demam dan sakit kepala yang teruk. Gejala lain ialah sakit otot dan belakang badan, bengkak kelenjar limfa, dan keletihan.

Pihak Kementerian Kesihatan Malaysia mengingatkan orang ramai, terutama individu yang menjadi kontak rapat kepada cacar monyet agar memantau gejala penyakit tersebut dan mengelakkan kontak rapat dengan orang lain. Individu tersebut juga hendaklah mendapatkan rawatan segera di klinik atau hospital yang berdekatan jika bergejala.

Tema 2 Sukan dan Rekreasi

Track 2

Dengar petikan dengan telitinya dan fahami maklumat daripada bahan grafik. Kemudian, tuturkan maklumat tersebut dalam bentuk komunikasi lisan sama ada taklimat, penerangan, ceramah, atau penceritaan.

Kita sebenarnya mengetahui kepentingan dan kebaikan bersenam pada setiap hari. Namun begitu, ada banyak kepentingan atau kebaikan aktiviti senaman yang mungkin anda tidak tahu lagi. Jadi, mari kita fahami kebaikan bersenam setiap hari.

Pertama, aktiviti senaman dapat meningkatkan kecergasan fizikal kita. Senaman merupakan aktiviti yang dapat membuatkan kita berpeluh dan meningkatkan kadar degupan jantung kita. Kesan bersenam setiap hari dapat meningkatkan tahap tenaga untuk individu yang menderita sindrom keletihan kronik dan penyakit serius lain. Malah, senaman seolah-olah lebih berkesan untuk memerangi sindrom keletihan kronik daripada rawatan lain, termasuk terapi pasif seperti bersantai dan regangan.

Kedua, senaman dapat memberikan kesan dari aspek fisiologi. Hal ini dikatakan aktiviti bersenam dapat memperbaiki keseimbangan, koordinasi, dan gaya jalan. Antara aktiviti yang boleh dilakukan adalah seperti berjalan tiga meter, pusing dan kembali duduk, berdiri atas satu kaki, dan berjalan dengan lajunya.

Seterusnya, aktiviti bersenam dapat mempertingkatkan harga diri dan mengurangkan keresahan. Menurut suatu kajian pada tahun 1986 yang dilakukan terhadap kanak-kanak antara umur sembilan tahun hingga 12 tahun, didapati bahawa keyakinan diri kanak-kanak tersebut meningkat dengan senaman aerobik. Hasil penemuan lain juga mendapati terdapatnya peningkatan keadaan emosi.

Bersenam dapat melambatkan osteoporosis. Hal ini dikatakan demikian kerana aktiviti senaman menolong untuk membina tulang yang kuat dan melambatkan proses kerapuhan tulang. Di samping itu, aktiviti senaman, seperti aerobik dapat membantu untuk mengawal tekanan darah dan menguatkan jantung. Senaman aerobik mampu membaiki pengaliran darah. Pada masa yang sama, senaman ini juga dapat merendahkan risiko diabetes dan mengawal kadar gula dalam darah.

Tema 4 Bersatu Kita Teguh**Track 3**

Dengar petikan dan teliti bahan yang diberikan. Kemudian, kenal pasti maklumat dan fakta yang diperoleh. Kaitkan maklumat tersebut dengan pengetahuan sedia ada anda.

Rancangan Integrasi Murid untuk Perpaduan (RIMUP)

RIMUP ialah program Rancangan Integrasi Murid untuk Perpaduan yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sejak tahun 1986 lagi. Melalui program ini, KPM menyediakan peluang kepada murid pelbagai kaum untuk bergaul mesra secara sedar dan terancang.

Saban tahun, pelbagai aktiviti RIMUP telah dijalankan oleh pihak sekolah bagi melahirkan generasi muda yang mempunyai semangat perpaduan yang tinggi. Antara aktiviti yang dijalankan ialah sambutan perayaan RIMUP, gotong-royong, pertunjukan kebudayaan, dan ziarah komuniti. Aktiviti-aktiviti ini mampu memberikan pendedahan kepada murid-murid tentang pentingnya mempunyai semangat perpaduan yang tinggi kerana Malaysia merupakan sebuah negara yang mempunyai rakyat yang berbilang kaum.

Track 7

Anda diberi masa selama satu minit untuk membaca soalan.

Dengar petikan rencana berikut dengan telitinya dan jawab soalan-soalan yang diperdengarkan.

Kanser Hidung Pembunuh Senyap

Seseorang yang mengalami masalah hidung tersumbat yang tidak pernah hilang, perubahan suara, keadaan hidung yang sentiasa berdarah, kerap mengalami sakit kepala, dan rasa sakit tanpa sebarang sebab pada bahagian muka, telinga, atau di dalam mulut berkemungkinan mengalami kanser hidung.

Sekiranya individu tersebut mengalami gejala berulang seperti yang dinyatakan, dia disarankan agar berjumpa dengan doktor bagi mendapatkan pemeriksaan yang menyeluruh. Pemeriksaan akan dijalankan melalui proses endoskopi dengan memasukkan tiub yang mempunyai kamera ke dalam hidung. Prosedur ini penting bagi mengenal pasti lokasi dan ukuran saiz benjolan kanser yang tepat.

Kanser hidung merupakan sejenis kanser yang biasanya terjadi pada sel tisu, tulang, atau saraf yang terdapat di kawasan hidung. Kanser hidung biasanya sukar dikesan sehinggalah kanser berkenaan tumbuh dan mula merebak ke bahagian anggota tubuh yang lain.

Pengamal perubatan masih belum berjaya mengenal pasti punca berlakunya kanser hidung. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa teori yang menyumbang kepada berlakunya masalah ini. Antara faktor penyebab utama ialah pendedahan kepada bahan kimia industri, dijangkiti virus pada bahagian tisu hidung, mengambil makanan yang mengandungi bahan pengawet, dan merokok.

Secara umumnya, rawatan awal mampu meningkatkan peluang seseorang itu untuk sembuh daripada penyakit kanser hidung. Pengamalan gaya hidup yang sihat terutama melibatkan aspek penjagaan makanan mampu mengurangkan peluang bagi seseorang itu untuk menghidap kanser hidung pada masa hadapan.

Track 8

Anda diberi masa selama satu minit untuk membaca soalan.

Dengar petikan berita berikut dengan telitinya dan jawab soalan-soalan yang diperdengarkan.

Pasukan Gimrama Idam Emas

KUALA LUMPUR – Pasukan gimrama negara menyasarkan dua pingat dalam temasya Sukan Komanwel 2022 yang akan berlangsung di Birmingham, England yang dijangka berlangsung pada 28 Julai sehingga 8 Ogos 2022.

Menurut pengurus pasukan gimnastik Malaysia, atlet negara kita dijangka akan menyertai enam kategori yang dipertandingkan.

“Kategori individu memperuntukkan empat pingat dipertandingkan, manakala bagi acara berkumpulan dua pingat akan menjadi rebutan. Daripada enam pingat emas itu, kami mengharapkan sebanyak dua pingat emas dapat diraih. Jurulatih gimnas negara amat memandang serius dan memberi fokus sepenuhnya dalam persiapan setiap atlet dan berusaha untuk melakukan yang terbaik,” jelasnya.

“Dalam sukan gimnastik, kriteria markah adalah secara teknikal. Semua pergerakan perlu sempurna seperti yang dirancang. Pergerakan gimnas perlu teratur dan mengikut tempo. Sebarang kesilapan kecil dapat mengurangkan mata peserta,” tambahnya lagi.

Beliau juga menjelaskan, bagi memastikan segala perancangan berjalan dengan lancar, skuadnya telah mendapat bantuan daripada dua orang jurulatih koreografer dari Jepun dan Rusia bagi memantapkan persiapan semua gimnas negara. Koreografer tersebut berperanan penting dalam merancang gerakan tarian yang menarik dan teratur.

“Buat masa sekarang sebahagian daripada atlet berada di Eropah bagi menyertai Siri Kejohanan Eropah di sana sebelum menyertai Pertandingan Gimnastik Dunia pula. Selepas semua kejohanan itu tamat, skuad akan memberi fokus kepada Pertandingan Pemilihan ke Sukan Komanwel 2022. Dalam kejohanan kali ini, kami menjangkakan pasukan England dan Australia akan memberikan saingan sengit, tetapi kami juga akan berhati-hati dengan pasukan gimnas Singapura yang prestasinya semakin bertambah baik,” ujarnya.

Track 9

Anda diberi masa selama satu minit untuk membaca soalan.

Dengar petikan cerpen berikut dengan telitinya dan jawab soalan-soalan yang diperdengarkan.

Cerpen Jari Jemari Emas

"Amboi, Pak Mail! Jauhnya termenung. Boleh sampai ke pekan jauhnya tu." Ali menyandarkan basikalnya ke tiang rumah, lalu duduk di atas anak tangga.

"Kau nak apa, Ali? Kalau ya pun, berilah salam dulu. Terkejut aku. Aku ini dah tua," kata Pak Mail sambil membetulkan kain pelekatnya dan tersenyum menampak giginya.

Ali menunjukkan jarinya ke arah minyak-minyak urut yang tersusun di dalam rumah. "Emak saya suruh saya beli satu botol minyak urut daripada Pak Mail. Saya nak yang warna hijau tu. Pak Mail, jangan marah kalau saya tanya. Dari jauh saya tengok Pak Mail termenung. Ada masalah ke?"

"Aku merenung nasib. Sebelum kau datang, ada orang datang bawa anak terunanya. Berurut kaki terseliuh dengan aku. Katanya, dari dia kecil sampai beranak pinak, aku juga yang dicarinya, kalau nak berurut," kata Pak Mail sambil menunjukkan tapak tangannya. "Kau tengok ini, aku ini semakin hari semakin tua. Anak pun tak ada. Nak genggam tangan dah tak larat. Sayanglah ilmu aku ini tak diwarisi."

Pak Mail masuk ke dalam rumah untuk mengambil minyak. "Ali, orang zaman sekarang tak kenal tukang urut tradisional. Mereka kenal orang kiro..kiro. ... Apa Ali nama tukang urut kiro tu?" sambil menghulurkan satu botol minyak urut kepada Ali.

"Kiropraktik ke, Pak Mail?" sambut Ali sambil menghulurkan duit sepuluh ringgit kepada Pak Mail.

"Yalah kot. Kiro itulah orang biasa sebut. Aku nak menyebutnya pun berbelit lidah ni. Zaman sekarang semua orang cari tukang urut macam tu. Semua anak muda nak bekerja macam tu. Mereka ini malu kita panggil tukang urut tradisional. Katanya, kaedah orang kampung. Ketinggalan zaman," kata Pak Mail lalu duduk di atas anak tangga. "Mereka tak tahu. Jari aku ini mahir. Dah urut beratus urat tangan dengan kaki orang. Aku tengok pun, aku dah boleh tahu sakit apa. Nak buat penawar, nak buat minyak. Tak perlu susah-susah. Pergi sahaja belakang rumah. Banyak akar kayu dengan daun kita boleh guna. Semua ilmu ini, aku belajar daripada datuk nenek moyang aku."

"Zaman dah berubah, Pak Mail," kata Ali sambil bangun dan berjalan ke arah basikalnya. "Orang zaman sekarang belajarnya tinggi-tinggi. Semua nak ikut ilmu penjajah. Tengoklah ubat zaman sekarang banyak guna campuran bahan kimia. Terlebih sapu, sembuh penyakit lama, penyakit baharu pula yang datang. Berbeza ubat orang zaman dahulu. Ubat orang dulu-dulu, banyak guna bahan semula jadi. Tiada kesan sampingan. Sebab itu terbukti mujarab zaman-berzaman."

Track 10

Anda diberi masa selama satu minit untuk membaca soalan.

Dengan petikan laporan berikut dengan telitinya dan jawab soalan-soalan yang diperdengarkan.

Laporan Kadar Pengangguran Siswazah

Laporan Statistik Siswazah 2020 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia mendapati, jumlah siswazah menganggur meningkat sebanyak 22.5 peratus kepada 200 000 orang pada tahun 2020 berbanding 160 000 pada tahun sebelumnya. Penularan wabak COVID-19 di Malaysia pada awal tahun 2020 banyak memberi kesan kepada golongan siswazah yang masih mencari pekerjaan.

Isu pengangguran dalam kalangan lepasan universiti bukan satu fenomena baharu di negara ini. Terdapat beberapa faktor yang mendorong kadar pengangguran dalam kalangan lepasan universiti di Malaysia terus meningkat. Antara faktor penyebab utama ialah kurang penguasaan dalam berkomunikasi, permintaan rendah majikan untuk kursus yang diambil oleh graduan, dan graduan terlalu memilih pekerjaan.

Menurut satu kajian, majoriti peluang pekerjaan yang ada dalam pasaran adalah dalam kategori kemahiran rendah dan sederhana. Hal ini kurang sesuai untuk graduan baharu. Kajian Institute for Research & Development of Policy (IRDP) mendapati, universiti dan kolej di Malaysia menghasilkan lebih 200 000 graduan tempatan dengan kelayakan diploma dan ijazah sarjana muda setiap tahun. Tetapi mereka ini ditawarkan dengan gaji yang rendah dan pekerjaan yang ditawarkan tidak bersesuaian dengan tahap dan kelayakan pembelajaran mereka.

Oleh itu, dasar yang lebih jelas dan khusus perlu dirangka bagi memastikan lebih banyak peluang pekerjaan dapat diwujudkan bagi membantu golongan ini. Kerajaan melalui Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Pengajian Tinggi, dan Kementerian Sumber Manusia perlu mencari satu penyelesaian kekal bagi menangani isu pengangguran dalam kalangan siswazah. Bagi menangani isu ini, kerajaan perlu meningkatkan kebolehpasaran graduan. Siswazah perlu dilatih dan dipertingkatkan kemahiran dalam pelbagai bidang.

Kedua, golongan siswazah perlu kreatif untuk mencipta pekerjaan bagi membolehkan mereka berdikari dan memenuhi keperluan kehendak pasaran. Ketiga, mereka juga perlu menceburi bidang ekonomi baharu sebagai alternatif bagi menangani masalah ketepuan dalam pemilihan sektor pekerjaan sedia ada. Perubahan zaman memerlukan siswazah berfikir fleksibel.

Penekanan kepada gred dan kecemerlangan akademik bukan penentu kepada peluang untuk mendapat pekerjaan yang diidamkan. Siswazah perlu mempunyai aspek kemahiran tambahan yang relevan dan menarik bagi membolehkan mereka diterima dalam alam pekerjaan.



Tema 13 Jati Diri, Warganegara Patriotik

Track 4

Baca lirik lagu “Negaraku” dan dengar petikan berita untuk mengenal pasti maklumat yang terdapat dalam bahan-bahan tersebut. Kemudian, ulas kedua-dua bahan tersebut secara kritis dan bernasnya dengan menggunakan ayat yang gramatis.

KUALA LUMPUR – Keputusan kerajaan mengisytiharkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) selama 14 hari dari 18 hingga 31 Mac 2021 merupakan langkah tepat untuk mencegah penularan baharu wabak coronavirus (COVID-19) di negara ini, kata seorang pakar sains politik.

Profesor Datuk Dr. Nasarudin Mohammed menegaskan tiba masanya masyarakat melaksanakan peranan dan tanggungjawab masing-masing, terutamanya mematuhi semua arahan serta larangan yang ditetapkan sepanjang tempoh sekatan itu berkuat kuasa. Rakyat perlu memahami larangan yang bersifat sementara itu bertujuan untuk mengawal orang awam daripada bergerak dengan bebas sehingga memungkinkan berlaku jangkitan wabak yang lebih teruk.

Katanya lagi, masyarakat jangan berasa panik sebaliknya perlu bertenang dan mengikut semua arahan yang telah dan akan dimaklumkan. Masyarakat juga haruslah duduk di dalam rumah sahaja dan keluar apabila dibolehkan. Mesej yang jelas ialah masyarakat haruslah mengurangkan pergerakan seminimum mungkin untuk menyahaktifkan COVID-19.

Pengisytiharan Perintah Kawalan Pergerakan antaranya melarang pergerakan dan perhimpunan ramai di seluruh negara termasuk aktiviti keagamaan, sukan, sosial, dan budaya secara menyeluruh.

Tema 14 Citra Bahasa dan Sastera Kita**Track 5**

Dengar petikan wawancara dengan telitinya. Kemudian, buat rumusan dan penilaian anda tentang amalan membaca dengan menggunakan ayat yang gramatis.

Wartawan: Pada pendapat saudara, apakah makna buku?

Tokoh sastera: Buku ialah ilmu pengetahuan dan kehidupan. Apabila kita membaca buku, kita akan masuk ke dalam ruangan kehidupan orang lain. Sekarang saya suka membaca kisah-kisah yang gemar dibaca oleh orang lain. Tujuannya agar saya mengetahui kehidupan orang lain. Saya bukan sekadar membaca cerita, tetapi saya juga memerhatikan ungkapan, ayat-ayat, dan perkataan baharu yang diperkenalkan dan tiada dalam kamus. Saya mendalami setiap perkara yang saya baca.

Wartawan: Bersempena dengan program Kuala Lumpur Ibu Kota Buku Dunia (KLWBC) 2020, pada pendapat saudara, apakah cara terbaik untuk memartabatkan sastera?

Tokoh sastera: Bagi saya, Kuala Lumpur sangat wajar dijadikan sebagai Ibu Kota Buku Dunia kerana bandar raya ini bersifat intelektual. Perancangan yang rapi perlu dilaksanakan dalam usaha memartabatkan karya sastera daripada hilang ditelan zaman. Di samping itu, para penerbit buku dan novel perlu memeriksa dan memerhatikan tema hasil ciptaan sastera yang disiarkan untuk memastikan sama ada tema tersebut selari dengan kehidupan realiti masyarakat ataupun sebaliknya. Bagi saya, tema yang selari dengan kehidupan masyarakat itulah yang lebih menarik dan lebih hampir dengan masyarakat. Jika tema tersebut tidak selari, maka karya tersebut akan diabaikan.

Wartawan: Apakah pesanan saudara bersempena dengan program Kuala Lumpur Ibu Kota Buku Dunia (KLWBC) 2020?

Tokoh sastera: Saya berharap kita menjadi masyarakat yang membaca. Kehidupan ini terlalu sempit. Setiap orang mempunyai bilik-biliknya yang tersendiri dan tidak mempunyai ruang yang luas. Melalui pembacaan, kita membuka ruangan tersebut bagi mengetahui hal dunia.

Tema 16 Integriti

Track 6

Berdasarkan bahan yang didengar, bersoal jawablah dengan rakan anda untuk mengumpulkan maklumat tentang kepentingan kejujuran dalam kerja menggunakan soalan terbuka.

Teknologi berubah mengikut zaman, namun akauntan tetap berperanan untuk membantu pengurusan perniagaan dan organisasi dalam pelbagai bentuk. Manusia mempunyai keupayaan untuk mengatasi teknologi dan dapat menambah nilai melalui cara yang tidak mampu ditiru oleh teknologi. Walau bagaimanapun, integriti, kejujuran, dan amanah sentiasa diperlukan daripada seorang akauntan atau mana-mana profesional lain kerana masyarakat bergantung pada mereka untuk membuat keputusan berdasarkan kepakaran mereka.

Dalam bidang perakaunan misalnya, kebanyakan aset kini dinilai berdasarkan unjuran aliran tunai yang akan dibawa mereka kepada pemiliknya. Hal ini memerlukan pelbagai andaian, pengiraan, dan formula yang rumit. Mana-mana andaian yang dipilih, pengiraan yang digunakan, dan formula yang terlibat ditentukan berdasarkan keputusan yang dibuat secara profesional yang ditunjangi oleh integriti, kejujuran, dan amanah.

Jika akauntan hilang nilai profesional mereka, mereka hilang kewibawaan dan tidak berbeza dengan orang lain. Untuk mempertahankan nilai-nilai profesional, akauntan perlu memiliki kemahiran dan prestasi kerja yang cemerlang. Mereka harus menyatakan “tidak” jika dikehendaki berbuat sesuatu yang bercanggah dengan apa-apa yang benar. Jika disuruh berhenti kerja kerana mempertahankan kebenaran, lebih banyak pintu-pintu baharu akan dibuka untuk mereka kerana kecemerlangan dan nilai mereka.

Satu kaedah yang dapat digunakan oleh mereka untuk menilai diri adalah dengan bertanya kepada diri sendiri setiap kali memandang muka di hadapan cermin sama ada dapat mempercayai muka sendiri atau tidak. Kita tidak dapat menipu diri sendiri.

Track 11

Anda diberi masa selama satu minit untuk membaca soalan.

Dengan petikan drama berikut dengan telitinya dan jawab soalan-soalan yang diperdengarkan.

Drama Pesanan daripada Bimasakti

Dr. Izzati: Maaf, Prof. Boleh saya masuk?

Profesor Marina: Silakan, Doktor Izzati. Boleh saya bantu?

Dr. Izzati: Profesor cuba lihat imej ini. Pada awalnya, saya tidak dapat mengesan objek ini kerana objek ini mengikuti orbit yang sangat eksentrik.

Profesor Marina: Sangat eksentrik? Berkemungkinan objek ini berada di luar orbitnya.

Dr. Izzati: Betul, Prof. Objek ini mula menghampiri bumi minggu lalu dari arah matahari. Hal ini menyebabkan kita sukar mengesan objek ini.

Profesor Marina: Cuba doktor gunakan Sistem Teleskop Stellar I milik Balai Cerap Langkawi. Teleskop itu kalau tidak silap saya, kita boleh gunakan secara kawalan jauh. Saya nak doktor dapatkan imej spektrograf objek ini. Melalui imej berkenaan, kita dapat melihat saiz dan jarak objek berkenaan dengan lebih tepat.

Dr. Izzati: Harap-harap objek berkenaan hanya meteoroid yang kecil dan bukannya asteroid.

Profesor Marina: Saya pun mengharapkan perkara yang sama. Biasanya, meteoroid akan terbakar dan hancur apabila memasuki atmosfera bumi kerana saiznya kecil.

Dr. Izzati: Prof, saya rasa Prof kena lihat ini. Anggaran diameter objek ini antara 110 meter hingga 240 meter. Objek ini diklasifikasikan sebagai asteroid dan berupaya untuk mengancam bumi.

Profesor Marina: Bertenang. Berapa kelajuan asteroid ini sekarang?

Dr. Izzati: Mengikut pengiraan saya, asteroid berkenaan bergerak pada kelajuan melebihi 25 700 kilometer sejam dan akan melintasi Bumi dengan jarak kurang daripada dua juta kilometer. Terdapat kemungkinan asteroid ini menimbulkan ancaman kepada bumi.

Profesor Marina: Izzati, saya mahu awak menghubungi Pihak Agensi Angkasa Amerika Syarikat untuk mengesahkan penemuan ini. Sekiranya benar, saya mahu awak laporkan terus kepada Agensi Angkasa Malaysia dan Majlis Keselamatan Negara untuk tindakan seterusnya.

Track 12

Anda diberi masa selama satu minit untuk membaca soalan.

Dengar petikan berita berikut dengan telitinya dan jawab soalan-soalan yang diperdengarkan.

MAHA 2022 Terima Sambutan Luar Biasa

SERDANG, Isnin – Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2022 yang berlangsung selama 11 hari bermula 4 hingga 14 Ogos merupakan acara dwitahunan yang bertujuan mempromosikan pertanian dan industri asas tani. Pameran Mega ini telah diadakan di Taman Expo Pertanian Malaysia (MAEPS) yang juga merupakan lokasi tetap bagi penganjuran MAHA edisi sebelumnya. MAHA kali ini merupakan pameran pertanian mega pada peringkat kebangsaan yang mencatat bilangan pengunjung dan jualan yang terbanyak sepanjang sejarah penganjuran MAHA.

MAHA 2022 kali ini telah berjalan dengan lancarnya dan mendapat sambutan yang luar biasa daripada semua lapisan masyarakat. MAHA edisi 2022 ini telah menerima seramai 1.4 juta pengunjung, iaitu 1.2 juta pengunjung secara fizikal dan 266 000 pengunjung secara maya. Sambutan luar biasa ini membuktikan bahawa acara MAHA merupakan acara yang sentiasa ditunggu-tunggu. Selain jumlah pengunjung yang luar biasa, jumlah jualan MAHA bagi tahun 2022 juga merekodkan nilai jualan keseluruhan tertinggi, iaitu sebanyak RM260 juta. Hasil jualan ini meliputi hasil jualan langsung di tapak ekspo, jualan dalam talian, serta jualan perniagaan melibatkan lapan syarikat pemasar dari luar negara.

Selain hasil jualan, penganjuran MAHA 2022 juga menyaksikan pemeteraian 33 perjanjian Memorandum Persefahaman (MoU) membabitkan pengusaha antarabangsa dan tempatan dengan nilai pelaburan lebih RM5.64 bilion. MAHA edisi 2022 juga turut mengadakan Program Jamin Kerja dalam segmen Agro Job Fair yang menawarkan lebih 15 000 peluang kerjaya, khususnya kepada golongan muda dan siswazah dalam sektor agromakanan. Penglibatan golongan ini sangat penting bagi memastikan kesinambungan pengeluaran produk pertanian negara pada masa hadapan. Diharapkan dengan penglibatan golongan ini, negara dapat mengurangkan kebergantungan pada produk import dari luar negara untuk memenuhi keperluan domestik yang semakin meningkat.